

Konsep Perancangan Harta

Suatu perancangan yang dilaksanakan oleh seseorang semasa hayatnya dengan memperolehi, mengurus dan mengagihkan hartanya kepada waris-waris dan benefisiari mengikut budi bicara yang adil serta dapat mengawal, memantau dan memanfaatkan harta untuk penerima, dirinya dan keluarga semasa hayat dan selepas kematian.

Satu aktiviti perancangan individu untuk memindahkan harta yang dimiliki kepada orang lain berdasarkan kepada hukum Syarak.

Mengambil kira elemen matlamat yang dikehendaki, kaedah yang akan digunakan dalam pindahmilik harta, perancangan dan pelaksanaan semasa hidup untuk kemudahan pemilik harta dan kepada siapa harta tersebut akan diagihkan.

Prinsip Perancangan Harta

Objektif atau *maqasid* Islam Menjaga kepentingan dan keperluan manusia di dunia dan akhirat.

Asas Syariah Islam Membawa kepada kebaikan *masalahah* dan menolak keburukan *mafsadah*.

Masalahah yang menjadi tujuan Syariah Menjaga agama (*al-Dharuriyyah al-Khamsah*), menjaga nyawa/jiwa (*hifz al-din*), menjaga akal (*hifz al-aql*), menjaga keturunan (*hifz al-nasab*) dan menjaga harta (*hifz al-mal*).

Nilai-Nilai Perancangan Harta

Akaunt-abiliti Menguruskan harta mengikut garis panduan yang telah ditetapkanNya, bertanggungjawab terhadap harta yang dimiliki dan yang diamanahkan kepadanya, serta sentiasa cuba menambahbaik kaedah pengurusan hartanya dari semasa ke semasa.

Keadilan Meletakkan sesuatu pada tempatnya dan memberi hak kepada yang berhak tanpa menindas atau menzalimi orang lain.

Mengutamakan keperluan keluarga daripada keperluan masyarakat kerana lebih baik meninggalkan keluarga dalam keadaan kaya berharta daripada membiarkan mereka hidup dalam keadaan memintaminta.

Pengembangan harta di dunia (material) dan pulangan akhirat (non material) iaitu pahala yang berpanjangan.

Kebijaksanaan Bijak memilih individu bagi memelihara harta seperti menjaga harta anak yatim dengan mengambil kira aspek boleh dipercayai, tidak mengambil kesempatan, adil tulus dan telus.

Bijak dalam membelanjakan harta dengan menentukan ke mana harta akan dibelanjakan dengan halal, saluran yang produktif dan memberi manfaat yang berpanjangan.

Kepentingan Perancangan Harta

Memastikan harta sentiasa beredar dalam pelbagai sektor secara meluas dan menyeluruh berpandukan hukum Syarak agar dapat dinikmati oleh masyarakat dan negara.

Mengembangkan harta dengan cara yang halal melalui pelbagai produk kewangan dan perbankan Islam. (*al-musyarakah, al-wadi'ah, al-mudarabah, dan al-murabahah*)

Membolehkan unit yang mengalami kekurangan dana mendapatkan pembiayaan daripada unit lebihan yang memiliki harta.

Bukan untuk keperluan peribadi dan keluarga sahaja tetapi untuk kebajikan masyarakat umum dengan membantu mereka yang memerlukan. (sedekah, hibah, wakaf dana dan harta)

Pembangunan wakaf untuk pendidikan, perumahan, kesihatan dan tempat ibadat.

Mengelakkan kejadian pembekuan harta akibat perbuatan menahan harta yang dimiliki daripada dibelanjakan sama ada untuk diri sendiri mahupun di jalan Allah SWT.

Kesimpulan

Perancangan harta amat signifikan untuk memastikan harta dapat dinikmati untuk kepentingan dan kebajikan diri sendiri mahupun orang lain.

Instrumen agihan harta selain sistem pusaka perlu diberi perhatian untuk melicinkan proses agihan harta sama ada sebelum atau selepas kematian pemilik harta.

Pelbagai unsur dan faktor rancangan ke atas harta harus difikirkan untuk mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan dalam Islam.